



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI PERNIAGAAN DALAM KALANGAN USAHAWAN SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI) DI MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ROSINI BINTI NAWANG MUSTAPEN

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2012**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI PERNIAGAAN DALAM
KALANGAN USAHAWAN SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI) DI
MALAYSIA

ROSINI BINTI NAWANG MUSTAPEN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN
PERNIAGAAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

24 September 2012

ROSINI BINTI NAWANG MUSTAPEN
M20092000845





PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin-Nya, disertasi ini dapat dijayakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan (Perniagaan). Dirakamkan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia utama PM Dr. Che Mohd Zulkifli bin Che Omar dan Dr. Jamal @ Nordin bin Yunus kerana sentiasa memberikan bimbingan dan dan buah fikiran yang sangat berguna bagi menjayakan disertasi ini.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada pihak Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS) selaku penaja, Jabatan Perdana Menteri (JPM) Unit Penyelarasan Pelaksanaan Ekonomi (ICU) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) di atas segala kerjasama dan maklumat yang dikongsikan serta sumbangan yang diberikan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Istimewa buat ibu bapa, adik beradik dan rakan-rakan seperjuangan, diucapkan sebanyak terima kasih atas segala motivasi, sokongan moral dan perkongsian maklumat yang diberikan serta memahami keperluan untuk menyiapkan disertasi ini. Semoga disertasi ini dapat memberikan manfaat bersama kepada sesiapa jua yang menggunakannya pada masa yang akan datang.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti pengaruh faktor kesedaran keusahawanan, penguasaan keusahawanan, pendidikan dan latihan keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan serta demografi terpilih terhadap prestasi perniagaan dalam kalangan usahawan Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Instrumen kajian adalah menggunakan soal selidik terancang yang telah digunakan dalam kajian penyelidikan lain dan disesuaikan dengan kesesuaian kajian. Sampel kajian telah dipilih daripada para usahawan yang telah menyertai *showcase* kebangsaan SDSI 2010. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan statistik inferen termasuklah ujian t, Korelasi Pearson dan Regresi Logistik. Dapatan deskriptif mendapati faktor kesedaran, penguasaan, latihan dan pendidikan, ciri-ciri keusahawanan serta prestasi perniagaan adalah sederhana. Seterusnya, dapatan statistik analisis mendapati, tidak terdapat perbezaan yang signifikan prestasi perniagaan antara jantina. Dapatan kajian juga menunjukkan, tidak terdapat hubungan yang signifikan latihan dan pendidikan keusahawanan terhadap prestasi perniagaan. Selain daripada itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan keusahawanan antara usahawan lelaki dan wanita. Kajian juga mendapati, *criterion* kesedaran keusahawanan menyumbang kepada prestasi perniagaan.





INFLUENCE FACTORS TO BUSINESS PERFORMANCE AMONG ENTREPRENEURS OF ONE DISTRICT ONE INDUSTRY (ODOI) IN MALAYSIA

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the factors which influence the entrepreneurial awareness, mastery of entrepreneurial, education and entrepreneurial training, entrepreneurial characteristics, and selected demographics on business performance among entrepreneurs of One District One Industry (ODOI). The survey adapted structured questionnaires from previous researchers. The samples selected were among the entrepreneurs who participated in a national showcase of ODOI 2010. Data collected were analyzed using statistical inferences including t-test, Pearson Correlation, and Logistic Regression. The descriptive findings found that the samples' awareness, mastery, training and education, entrepreneurial characteristics, and business performance were moderate. Hence, the statistical analysis found no significant differences between business performance and genders. The findings also indicate that there was no significant relationship between education and entrepreneurial training to business performance. In addition, there was no significant difference of mastery entrepreneurial between male and female. The study also found that criterion awareness of entrepreneurship contributes to business performance.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
<i>DECLARATION (LIBRARY)</i>	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Hipotesis Kajian	14
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.8	Definisi Operasional	16

1.8.1	Satu Daerah Satu Industri (SDSI)	16
1.8.2	Usahawan SDSI	16
1.8.3	Kesedaran Keusahawanan	17
1.8.4	Penguasaan Keusahawanan	17
1.8.5	Pendidikan dan Latihan Keusahawanan	18
1.8.6	Ciri-ciri Keusahawanan	19
1.8.7	Prestasi Perniagaan	20
1.9	Kepentingan Kajian	20
1.10	Batasan Kajian	21
1.11	Rumusan	22

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23-
2.2	Teori Keusahawanan Usahawan	24
2.2.1	Model Asas Proses Keusahawanan	27
2.2.2	Cadangan Model Pencapaian Firma Perniagaan Westerberg dan Wincent	29
2.2.3	Cadangan Model Pencapaian Firma Murali	31
2.3	Perkembangan Industri Kecil dan Sederhana di Malaysia	33
2.4	Pengaruh Kesedaran Keusahawanan Terhadap Prestasi Perniagaan	43
2.5	Pengaruh Penguasaan Keusahawanan Terhadap Prestasi Perniagaan	46
2.6	Pengaruh Pendidikan dan Latihan Keusahawanan Terhadap Prestasi Perniagaan	49
2.7	Pengaruh Ciri-ciri Keusahawanan Terhadap	54

Prestasi Perniagaan

2.8	Rumusan	55
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	57
3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.3	Populasi Kajian Dan Kaedah Persampelan	59
3.4	Alat Kajian	60
3.5	Kajian Rintis	63
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	64
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	73

3.8	Rumusan	79
-----	---------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	80
4.2	Maklumat Demografi dan Perniagaan	81
4.3	Deskripsi Pemboleh Ubah Kajian	86
4.3.1	Tahap Kesedaran Keusahawanan	86
4.3.2	Tahap Penguasaan Keusahawanan	87
4.3.3	Tahap Pendidikan dan Latihan	87
4.3.4	Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan	88
4.3.5	Tahap Prestasi Perniagaan Usahawan	88
4.4	Pengesanan Kenormalan Data dan Kesahan Konstruk	89
4.5	Pengujian Hipotesis	91



4.6	Dapatan Keseluruhan Hipotesis	96
-----	-------------------------------	----

4.7	Rumusan	96
-----	---------	----

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	98
-----	------------	----

5.2	Ringkasan Kajian	99
-----	------------------	----

5.3	Rumusan Dapatan Kajian	100
-----	------------------------	-----

5.3.1	Latar Belakang dan Perniagaan Responden	100
-------	---	-----

5.3.2	Tahap Kesedaran, Penguasaan, Pendidikan dan Latihan, Ciri-Ciri Keusahawanan, serta Prestasi Perniagaan	101
-------	--	-----

5.3.3	Hubungan antara Pendidikan dan Latihan Keusahawanan dengan Prestasi Perniagaan	104
-------	--	-----



5.4	Perbincangan	104
-----	--------------	-----

5.4.1	Hubungan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan	104
-------	--	-----

5.4.2	Peranan Pendidikan dan Latihan Keusahawanan Terhadap Prestasi Perniagaan	106
-------	--	-----

5.4.3	Perbezaan Penguasaan Keusahawanan Antara Jantina	107
-------	--	-----

5.4.4	Perbezaan Prestasi Perniagaan Antara Jantina	108
-------	--	-----

5.5	Implikasi Kajian	109
-----	------------------	-----

5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	111
-----	--------------------------	-----

5.7	Rumusan	112
-----	---------	-----

RUJUKAN	113-125
----------------	----------------

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Nilai Cronbach Alfa Kajian Rintis	64
3.2 Skala Likert	67
3.3 Nilai Ujian KMO dan Bartlett's Kesedaran	68
3.4 Nilai Ujian KMO dan Bartlett's Penguasaan	69
3.5 Nilai Ujian KMO dan Bartlett's Latihan dan Pendidikan	70
3.6 Nilai Ujian KMO dan Bartlett's Ciri-Ciri Keusahawanan	72
3.7 Garis Panduan Skor Min	74
3.8 Pentafsiran Kekuatan Hubungan Korelasi	76
3.9 Alat Pengujian Statistik yang Digunakan	78
4.1 Maklumat Demografi dan Perniagaan Responden	83
4.2 Pengukuran Skor Min Pemboleh Ubah Kajian	86
4.3 Dapatan Deskriptif Statistik Keseluruhan	89
4.4 Min, Sisihan Piawai, Kecerunan dan Kepencongan	90
4.5 Kesahan Konstruk	91
4.6 Ujian t Faktor Jantina terhadap Kesedaran, Penguasaan, Pendidikan dan Latihan serta Ciri-ciri Keusahawanan	92
4.7 Ujian t Faktor Jantina Terhadap Prestasi Perniagaan	93
4.8 Hubungan antara Kesedaran, Penguasaan, Latihan dan Pendidikan, Ciri-ciri Keusahawanan, Ciri Demografi Terpilih dengan Prestasi Perniagaan	94
4.9 Ringkasan Regresi Logistik	95

4.10 Ringkasan Hipotesis Kajian

96

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
Rajah 1.1	Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Program SDSI di Malaysia	9
Rajah 1.2	Konseptual Kajian	15
Rajah 2.1	Model Asas Proses Keusahawanan	27
Rajah 2.2	Cadangan Model Pencapaian Firma Perniagaan Westerberg dan Wincent	29
Rajah 2.3	Cadangan Model Pencapaian Perniagaan Murali	31
Rajah 2.4	Definisi IKS di Malaysia	37

SENARAI SINGKATAN

DEB	Dasar Ekonomi Baru
FAMA	Lembaga Pemasaran dan Pertanian Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GEM	<i>Global Entrepreneurship Monitor</i>
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KKLBW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MECD	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MITC	Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MPPB	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
OTOP	<i>One Tambun One Product</i>
OVOP	<i>One Village One Product</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PTBK	Penyiasatan Tenaga Buruh Khas
RMK 6	Rancangan Malaysia ke 6
RMK 9	Rancangan Malaysia ke 9
SB	Sangat Bersetuju
SDSI	Satu Daerah Satu Industri
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
ST	Sangat Setuju
STB	Sangat Berstuju
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia



TEKUN

Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga

TS

Tidak Setuju

UPSR

Ujian penilaian Sekolah Rendah





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh antara aspek kesedaran keusahawanan, penguasaan keusahawanan, pendidikan dan latihan keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan dan demografi terpilih terhadap pencapaian perniagaan dalam kalangan usahawan SDSI. Dalam bahagian pertama ini akan dibincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, signifikansi kajian dan objektif kajian. Bagi mencapai objektif kajian, akan juga dibincangkan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan objektif kajian dan seterusnya membentuk hipotesis kajian. Selain daripada itu, definisi operasional juga akan disentuh sebagai panduan di sepanjang kajian ini dijalankan.





1.2 Latar Belakang Kajian

Sebelum British menjajah Tanah Melayu, masyarakat Melayu telah menguasai aktiviti perdagangan setempat dan ianya lebih tertumpu kepada perdagangan melibatkan sumber-sumber hutan dan pertanian. Buku-buku sejarah tempatan mencatatkan aktiviti perdagangan yang melibatkan kaum Melayu rancak berlaku semasa pemerintahan Kesultanan Melaka sekitar kurun 1400-1500 (Ahmed Zafar dan Iian 2005). Masyarakat Melayu yang merupakan orang tempatan merasa selesa kerana dapat menjalankan aktiviti perdagangan dengan pedagang luar terutamanya pedagang dari tanah Arab, India dan China (Drabble 2000, p. 29). Namun demikian, setelah era penjajahan British, penguasaan masyarakat Melayu dalam kegiatan perdagangan gagal diteruskan dan kebergantungan terhadap kegiatan pertanian secara kecil-kecilan berlaku secara berterusan.

Tindakan British di Tanah Melayu membawa dan membenarkan kemasukan imigran China dan India secara besar-besaran pada sekitar 1911 dan 1931 telah merubah status sosial ekonomi masyarakat yang ada di Tanah Melayu. Kehadiran kaum China dan India ini adalah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja lantaran permintaan yang tinggi terhadap perusahaan bijih timah dan getah pada waktu tersebut (Andaya, 2000. p, 23). Dengan adanya kehadiran imigran ini, suasana kepelbagaian masyarakat di Tanah Melayu telah berlaku dan ianya kekal sehingga ke hari ini. Bagi memudahkan pentadbiran, British telah mengamalkan sistem dasar pecah dan perintah dengan mengelaskan kaum China terlibat dengan kegiatan perniagaan dan hidup di kawasan-kawasan bandar. Kaum India pula diletakkan di kawasan ladang-ladang





getah dan menjadikan estet-estet sebagai tempat kediaman. Manakala, British mengekalkan bidang pertanian sebagai kegiatan utama masyarakat tempatan dan mereka dibiarkan bertani dengan cara tradisional di kawasan-kawasan kampung. Situasi ini telah memberi impak yang besar dalam perkembangan ekonomi masyarakat tempatan terutamanya penduduk di luar bandar kerana telah berlakunya ketidakseimbangan sosioekonomi penduduk yang sangat ketara terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu (p.24)

Setelah mencapai kemerdekaan, agenda pengurangan kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan pengisian pendapatan penduduk telah dijadikan agenda utama dalam usaha untuk membangunkan ekonomi semenjak tahun 1970 menerusi pertumbuhan dan objektif serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru 1970-1990 yang dilaksanakan berdasarkan Rancangan Malaysia 1-5 (RMK 5). Seterusnya strategi pengurangan kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan pengisian pendapatan diteruskan lagi di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dirangka dalam Rancangan Malaysia ke 6 bagi tempoh 1991-1995 (RMK 6). Antara pengisian bagi meningkatkan sumber pendapatan masyarakat tempatan, telah diwujudkan misi Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian bumiputera (MPPB).

Bagi memantapkan lagi pelaksanaan MPPB, kerajaan memberi penekanan penglibatan bumiputera dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan memberi laluan dan bantuan yang sewajarnya termasuklah melaksanakan strategi 1 Kampung 1 Produk (1K1P) yang dilaksanakan pada tahun 1992 dalam tempoh RMK ke 6 bagi memberi peluang kepada penduduk luar bandar terlibat dalam keusahawanan dan perniagaan. Laluan ini dilihat sebagai wajar kerana dalam konteks





pembangunan luar bandar, IKS merupakan sumber utama pekerjaan dan pendapatan yang pada amnya adalah berskala kecil dan tertumpu kepada pengeluaran makanan dan kraftangan (RMK9).

Merujuk kepada penyiasatan pendapatan isi rumah (HIS) 1999 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan tertinggi di Sabah adalah terdiri daripada kalangan etnik Kadazandusun, Bajau dan Murut. Manakala, etnik Bidayuh dikenalpasti sebagai etnik yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi di Sarawak dan menetap di luar bandar. Sehingga tahun 2002, dalam laporan (HIS) khas mengenai minoriti Bumiputera Sabah dan Sarawak pula, adalah digambarkan bahawa kadar kemiskinan adalah tertinggi dalam kalangan etnik Sungei, Rungus, Bisaya dan Sulu (Suluk) di Sabah. Sementara itu, kemiskinan sangat kritikal membabitkan etnik Bidayuh, Kenyah, Kayan, Kadayan, Penan dan Lun Bawang di Sarawak (RMK9, 2006).

Terdapat banyak usaha kerajaan yang perlu diakui oleh semua pihak dalam usaha untuk merapatkan jurang sosio ekonomi antara masyarakat bandar dan luar bandar serta antara kaum. Berdasarkan Pembentangan Bajet 2009, telah dinyatakan bahawa kerajaan telah berjaya mengurangkan kemiskinan tegar di kalangan penduduk luar bandar sebanyak 43 % pada tahun 2007 dalam tempoh tiga tahun (RMK 6) yang dijalankan. Tempoh RMK 9 pula mensasarkan untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh daripada kemiskinan keseluruhan kepada 2.8% menjelang tahun 2010. Sehingga tahun 2009 peratus kemiskinan antara bandar dan luar bandar di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 4.0% dan 4.4%. Negeri Sabah pula mencatatkan 4.8% dan 5.0%. Bagi negeri Sarawak pula adalah





4.6% dan 4.5% (RMK10). Mackenzie (1992), menyatakan salah satu pengukuran untuk meningkatkan pembangunan ekonomi yang lebih baik di kawasan luar bandar adalah dengan mewujudkan keusahawanan desa. Justeru itu, bagi menjana pendapatan golongan seperti ini maka pihak kerajaan komited untuk menjadikan program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) sebagai medium yang penting untuk membantu memperbaiki kualiti ekonomi penduduk di luar bandar.

Pelaksanaan 1 Kampung 1 Produk (1K1P) yang mula dilaksanakan pada tahun 1992 (Sasiporn, 2008) adalah ilham oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke empat Tun Dr. Mahathir Muhammad setelah melihat keberkesanan pelaksanaannya pelaksanaan di Oita Jepun yang dinamakan sebagai program One Village One Product (OVOP). (Berita Harian, Ogos 2002). Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Japan International Cooperation Agency (JICA) yang dikeluarkan pada tahun 2011 tujuan asal pelaksanaan OVOP di Jepun adalah untuk membantu warga tua bagi mengisi masa lapang agar tidak berasa kesunyian dan diabaikan oleh anak-anak ataupun ahli keluarga kerana sibuk dengan pekerjaan masing-masing (JICA, 2011). Dalam konteks Malaysia pula program seumpama ini diadaptasikan sebagai strategi untuk meningkatkan sumber pendapatan penduduk terutamanya di luar bandar (Sasiporn, 2008).

Merujuk kepada buku panduan perlaksanaan SDSI di Malaysia yang diterbitkan oleh JPM 2006, kerajaan telah bersetuju menamakan semula Program 1K1P dengan menggunakan nama Satu Kampung Satu Industri (1K1I) pada tahun 2002 yang diletakkan di bawah seliaan Kementerian Pertanian, Kementerian





Pembangunan Luar Bandar dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Pemilihan ketiga-tiga badan ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang berasaskan produk kraftangan, makanan dan hasil pertanian. Seterusnya, bagi memantapkan lagi strategi kedua-dua program ini, sekali lagi konsep ini diubah suai kepada Satu Daerah Satu Industri (SDSI) pada tahun 2003. Ini adalah selari dengan dasar kerajaan yang ingin mengimbangkan pembangunan di luar bandar dengan memberikan penekanan yang lebih kepada penduduk kawasan luar Bandar (JPM, 2006).

Buku Panduan Pelaksanaan SDSI di Malaysia yang dikeluarkan oleh JPM pada tahun 2005 ini juga menyatakan, hanya pada 8 Disember 2004 barulah Jemaah Menteri telah memutuskan agar ICU, JPM bertindak sebagai urus setia dan penyelaras program SDSI bagi memantapkan jentera pelaksanaan SDSI di semua peringkat. JPM berpendapat program ini perlu dilaksanakan secara lebih berkesan, selaras dan dijadikan agenda penting kepada agensi-agensi terlibat serta Kerajaan Negeri sebagai sebahagian daripada jana kuasa pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan ekonomi dalam rantaian yang lebih tinggi (JPM, 2006).

Hasilnya pada tahun 2004, sebanyak 78 daerah daripada 134 daerah yang menyertai program ini telah mengeluarkan produk tempatan mengikut empat kategori iaitu kraftangan, produk makanan, produk berasaskan pertanian dan perkhidmatan yang melibatkan seramai 1,420 orang usahawan (MeCD, 2004). Sehingga Februari 2010 seramai 5113 orang pengusaha dan menghasilkan 1101 produk/kampung (<http://showcasesdsi.miti.gov.my>).





Objektif Satu Daerah Satu Industri

Berdasarkan buku panduan pelaksanaan SDSI di Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2006 Terdapat tiga objektif yang jelas dalam pelaksanaan serta beberapa rasional dan hala tuju SDSI di negara ini iaitu;

1. Untuk meningkatkan taraf kualiti hidup pengusaha dengan membuka peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat dari segi peningkatan sumber pendapatan dan pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar
2. Untuk memanfaatkan sumber semulajadi dan sumber manusia yang ada di kawasan luar bandar supaya lebih cekap dan berkesan ke arah pertumbuhan ekonomi hiliran tempatan.
3. Meningkatkan *competitiveness* dalam kalangan usahawan luar bandar dengan mengeluarkan produk-produk yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Rasional dan Hala Tuju SDSI di Malaysia

Program SDSI yang dilaksanakan ketika ini berkonsepkan produk atau perkhidmatan yang beridentitikan satu daerah yang dihasilkan secara komersil untuk menarik minat pelancong ke daerah tersebut. Program ini juga menjurus ke arah pembudayaan budaya masyarakat kreatif dan berinovasi sekaligus memupuk keharmonian bermasyarakat melalui aktiviti sosiao-ekonomi secara komuniti. Seterusnya, pembaharuan konsep yang dilaksanakan adalah berorientasikan model perniagaan yang lebih berdaya tahan





dan berdaya maju serta mempunyai rantai nilai tambah yang tinggi untuk manfaat sepenuhnya.

Program SDSI tidak dianggap semata-mata pekerjaan sampingan dan pendapatan tambahan, atau sebahagian daripada program pembasmian kemiskinan, tetapi juga sebagai salah satu bentuk perniagaan yang menjanapotensi/prospek yang menjamin pendapatan berterusan. Pelaksanaan program SDSI di negara ini adalah berteraskan kepada dua teras utama iaitu, penyelaran serta pelaksanaan adalah secara menyeluruh dan bersepadu dengan mengenal pasti satu atau lebih produk atau perkhidmatan utama bagi sesuatu daerah untuk dibangun dan dikembangkan. Teras yang kedua pula ialah, dari segi pemantapan proses perniagaan melalui pewujudan mekanisme pemasaran yang tersusun bertunjangkan maklumat pasaran, penjenamaan dan pengurusan pengeluaran yang beroreintasikan perniagaan.


Bagi menyokong dan menggerakkan keseluruhan rantai nilai dari peringkat bekalan sumber bahan mentah, tahap pengeluaran dan seterusnya pengedaran dan pemasaran kaedah pengelompokan (*clustering*) akan digunakan. Pendekatan setiap aktiviti di sepanjang rantai nilai dalam setiap program SDSI mestilah memberikan nilai tambah kepada aktiviti berkenaan. Sehubungan itu, bagi merealisasikan pendekatan ini, satu jentera penyelarasan bersepadu dan berkesan yang melibatkan kerjasama penuh antara pihak kerajaan dengan swasta diwujudkan pada pelbagai peringkat yang merangkumi daerah, negeri dan kementerian bagi melaksanakan konsep SDSI.





Arahan jentera pelaksanaan program SDSI telah dikeluarkan secara rasminya pada tahun 2006 oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia (JPM, 2006) dengan melibatkan jawatankuasa peringkat kebangsaan, negeri dan daerah/bahagian.

Rajah 1.1 adalah jentera penyelarasan pelaksanaan terkini program SDSI di Malaysia.





Rajah 1.1. Jentera penyelarasan pelaksanaan Program SDSI di Malaysia. (Sumber: <http://showcasesdsi.miti.gov.my>)

1.3 Pernyataan Masalah

Aviram (2010), menjelaskan kesedaran merujuk kepada kemampuan individu untuk menilai dan memilih peluang-peluang yang ada dalam perniagaan kerana kesedaran dapat membantu keberkesanan dalam keusahawanan yang turut dipengaruhi oleh kemampuan untuk menanggung risiko, ciri-ciri personaliti dan motivasi. Dalam kajian di luar negara yang dilakukan oleh Wennekers (2006) adalah didapati, kesedaran keusahawanan juga turut dipengaruhi oleh faktor demografi lain seperti mempunyai perniagaan sendiri dan tahap pendapatan. Hasil dapatan kajian ini turut disokong oleh Grilo dan Thurik (2005) dan Blanchflower (2004) kerana dapatan kajian mereka membuktikan faktor umur, gender, bangsa, pendidikan, pendapatan, pengalaman profesional sebelum berniaga dan latar belakang keluarga boleh mempengaruhi kesedaran terhadap keusahawanan. Namun begitu, Mohd Hassan (2007) tidak begitu bersetuju kerana mendapati faktor latar belakang individu sebenarnya tidaklah begitu mempengaruhi kesedaran usahawan terhadap keusahawanan. Muhamad Jamar (2009) juga mendapati faktor-faktor seperti jantina, umur, tahap pendidikan dan tingkat pendapatan bukanlah faktor yang mempengaruhi kesedaran keusahawanan.

Dari segi pendidikan dan latihan pula, dapatan Omezelj dan Antoncic (2008) mendapati, penguasaan dan pengetahuan yang pelbagai dipengaruhi oleh faktor





pendidikan seseorang usahawan. Dengan adanya penguasaan dan pengetahuan yang baik membolehkan mereka mampu berhadapan dengan persaingan disamping kebolehan dalam mengurus perniagaan Uit Beijerse (2000). Muhammad dan Harrison (2008) pula menjelaskan, kurangnya kemudahan latihan dan penguasaan dalam keusahawanan merupakan penyumbang utama untuk usahawan terus berkembang. Namun begitu, dalam kes di Malaysia, (Radiah, Mohd. Rosli dan Abd. Azid, 2009) adalah didapati, usahawan yang mempunyai tahap pendidikan rendah masih boleh berkembang dengan bergantung kepada pengalaman lepas sebagai alternatif untuk memahami selok belok perniagaan yang dijalankan.

Selain daripada faktor pendidikan dan latihan prestasi sesebuah perniagaan juga boleh dipengaruhi oleh faktor lain. Namun begitu pengukuran mengenai prestasi dalam perniagaan merupakan suatu isu yang kompleks dan boleh diukur dengan pelbagai indikator (Robinson, 2011). Beliau menyatakan, antara indikator yang biasa digunakan dalam mengukur prestasi sesebuah perniagaan termasuklah tingkat jualan, jumlah aset, jumlah pengeluaran, tahap pendapatan, pasaran saham dan bilangan pekerja. Dalam kajian sebelumnya, Aldrich (1999) dan Samuelsson (2004) pula menyatakan, jenis sektor perniagaan yang diceburi, saiz dan tempoh perniagaan juga adalah antara kemungkinan faktor yang menjadi indikator dalam mengukur pencapaian sesebuah perniagaan. Pernyataan Aldrich (1999) dan Samuelsson (2004) turut dipersetujui oleh Alowihan (2004), bahawa saiz dan jenis perniagaan yang diceburi sememangnya mempunyai perkaitan dengan prestasi perniagaan yang lebih baik terutamanya dari segi tahap jualan dan pendapatan.



Walaupun, Gray (2006) berbeza pendapat dengan pengkaji sebelumnya dengan membuktikan perniagaan yang diusahakan kurang daripada lima tahun juga sebenarnya masih mampu untuk mencapai tahap pendapatan yang tinggi dengan bersandarkan kepada pengalaman, motivasi dan pengetahuan yang dimiliki sebelum menjalankan perniagaan. Dakwaan pengkaji ini juga turut disokong oleh Walker dan Brown (2004), Reijonen dan Komppul (2007), dan Roomi dan Harrison (2009). Mereka meringkaskan, dengan adanya ciri-ciri keusahawanan seperti mempunyai motivasi diri yang tinggi menyumbang dalam menentukan pencapaian prestasi perniagaan. Mereka juga menambah, situasi ini bukan sahaja dapat membantu usahawan untuk memperluaskan lagi perniagaan malahan juga membantu usahawan meneruskan kehidupan kerana mempunyai sumber pendapatan bagi meneruskan kehidupan.



Benarkah faktor jantina mempunyai hubungan terhadap pencapaian prestasi sesebuah perniagaan? Dalam menjawab isu subjektif seperti ini, Greene (2004) dan Hart (2006), berpendapat usahawan wanita dilihat lebih cenderung melibatkan diri dalam perniagaan yang berskala kecil berbanding usahawan lelaki terutamanya dalam sektor perusahaan yang kompetatif dan perkhidmatan. Greene (2004) dan Hart (2006) melihat situasi ini dipengaruhi dari segi hasil pulangan yang rendah kepada usahawan wanita. Selain daripada itu, Klyver dan Terjesen (2007) menambah, usahawan lelaki lebih menguasai kemampuan dalam membina jaringan sosial berbanding usahawan wanita. Walaupun, pengkaji lain (Loscocco, Monnat, Moore & Lauber, 2009; Menzies, Diochan & Gasse, 2004) berpendapat bahawa perbezaan tersebut hanyalah merupakan perbezaan yang tidak ketara dan tidak begitu mempengaruhi dalam pencapaian sesebuah prestasi perniagaan. Penemuan yang





bercampur-campur tanpa suatu hasil dapatan yang muktamad menyebabkan kajian ini perlu dijalankan untuk cuba memberi sumbangan sama ada terhadap perkembangan teoritikal mahupun terhadap pelaksanaan program SDSI di negara ini.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap kesedaran, penguasaan, latihan dan pendidikan ciri-ciri keusahawanan usahawan dan prestasi perniagaan.
2. Mengetahui perbezaan antara faktor kesedaran, penguasaan, latihan dan pendidikan serta ciri-ciri keusahawanan dengan pemboleh ubah jantina
3. Melihat perbezaan antara prestasi perniagaan usahawan lelaki dan usahawan wanita.
4. Menentukan perhubungan antara kesedaran, penguasaan, latihan dan pendidikan, ciri-ciri keusahawanan dan faktor demografi terpilih dengan prestasi perniagaan.
5. Melihat adakah kesedaran, penguasaan, pendidikan dan latihan, ciri-ciri keusahawanan dan ciri demografi terpilih merupakan faktor yang paling mempengaruhi prestasi perniagaan.





1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kesedaran, penguasaan, pendidikan dan latihan, ciri-ciri keusahawanan usahawan dan prestasi perniagaan usahawan SDSI?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesedaran, penguasaan, pendidikan dan latihan serta ciri-ciri keusahawanan antara jantina?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan prestasi perniagaan antara usahawan lelaki dan usahawan wanita?
4. Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara kesedaran, penguasaan, latihan dan pendidikan, ciri-ciri keusahawanan dan faktor demografi terpilih iaitu jenis sektor perniagaan dan pengalaman dengan prestasi perniagaan?
5. Adakah kesedaran, penguasaan, pendidikan dan Latihan, ciri-ciri keusahawanan dan Ciri demografi terpilih merupakan faktor yang paling mempengaruhi prestasi perniagaan.

1.6 Hipotesis Kajian

H₀1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran, penguasaan, pendidikan dan latihan serta ciri-ciri keusahawanan dengan gender.





H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi perniagaan usahawan lelaki dan usahawan wanita.


H₀₃: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara kesedaran, penguasaan, latihan dan pendidikan, ciri-ciri keusahawanan dan demografi terpilih iaitu jenis sektor perniagaan dan pengalaman dengan prestasi perniagaan.

H₀₄: Prestasi perniagaan tidak dipengaruhi oleh kesedaran, penguasaan, pendidikan dan latihan, ciri-ciri keusahawanan dan demografi terpilih.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.2 adalah konseptual kajian yang akan digunakan sebagai panduan untuk melaksanakan kajian ini. Pemboleh ubah bebas kajian terdiri daripada kesedaran keusahawanan, penguasaan keusahawanan, latihan dan pendidikan keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan serta demografi terpilih. Prestasi perniagaan pula adalah pemboleh ubah bersandar kajian.





Rajah 1.2. Konseptual Kajian

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Satu Daerah Satu Industri (SDSI)

Merujuk kepada program Satu Satu Daerah Satu Industri yang diperkenalkan pada tahun 2003 oleh kerajaan bagi memberi ruang pekerjaan kepada masyarakat tempatan khususnya di luar bandar yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan.



1.8.2 Usahawan SDSI

Usahawan SDSI adalah mereka yang telah menyertai program SDSI di bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri dan diselia oleh wakil agensi kerajaan dalam negeri masing-masing (JPM, 2006). Dalam kajian ini, usahawan SDSI adalah merujuk kepada usahawan-usahawan SDSI yang telah tersenarai dan didaftarkan dalam buku direktori showcase SDSI bagi tahun 2010 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) pada 10-12 Disember 2010.





1.8.3 Kesedaran Keusahawanan

Kirzner (1979), adalah antara pelopor awal yang membincangkan mengenai konsep kepekaan dan kesedaran terhadap peluang mengenalpasti peluang-peluang perniagaan. Kirzner meringkaskan, kepekaan berlaku secara pembelajaran spontan seiring dengan perkembangan kesedaran terhadap matlamat jangka panjang usahawan. Baron (2007) pula, menyatakan kepekaan yang membawa kepada kesedaran keusahawanan bergantung kepada kemahiran kognitif seperti daya kreativiti dan kebijaksanaan individu. Sementara itu, Murali dan Mohani (2009) menyimpulkan kepekaan adalah gabungan bersama pengetahuan dan ciri-ciri individu seperti motivasi diri, keperluan untuk memajukan diri dan sikap terhadap pengambilan risiko.



usahawan SDSI terhadap peluang-peluang yang wujud dalam perniagaan. Selain itu ia kesedaran juga akan diambil kira dari aspek kesedaran usahawan terhadap kepentingan aktiviti keusahawanan dalam pembangunan ekonomi di samping melihat bagaimana sikap usahawan terhadap bidang keusahawanan yang diceburi.

1.8.4 Penguasaan Keusahawanan

Norfaizah, Muna & Norlita (2008) menerangkan bahawa penguasaan keusahawanan banyak ditekankan dalam Program Latihan Asas dan program Pemerkasaan Latihan yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan. Program Latihan Asas ditawarkan kepada bakal usahawan dengan diberikan pendedahan tentang





pengetahuan asas perniagaan, kemahiran mengurus perniagaan dan menyediakan maklumat kewangan. Manakala, Pemerkasaan Latihan adalah ditumpukan kepada usahawan yang sedia ada bagi membantu pembangunan usahawan (Norfaizah et al, 2008). Dalam kajian ini, penguasaan keusahawanan merujuk kepada kebolehan usahawan SDSI dalam pengurusan perniagaan seperti pengurusan sumber manusia, kewangan dan operasi. Selain itu, dalam konteks kajian ini, penguasaan juga akan melibatkan penguasaan usahawan dalam meluaskan hubungan sosial perniagaan dan penguasaan terhadap penggunaan ilmu teknologi maklumat sebagai medium dan keperluan dalam mendapatkan perkembangan semasa serta keperluan dalam aktiviti perniagaan seharian.



Merujuk kepada Lan, Hulsink, Baert & Mulder (2008), pendidikan adalah suatu usaha yang memfokuskan mengenai masalah-masalah keusahawanan seperti masalah budaya ataupun gaya pemikiran yang menekankan aspek seperti nilai-nilai, kepercayaan dan gelagat yang berkaitan dengan kehidupan usahawan. Manakala, mendidik usahawan adalah tertumpu kepada membentuk gelagat (tindakan) yang bersesuaian terutamanya terhadap kemahiran tertentu seperti memanfaatkan peluang, membuat keputusan dan kemahiran bersosial. Akhir sekali, pendidikan keusahawanan adalah penumpuan terhadap mewujudkan suasana keusahawanan yang khusus dan usahawan cenderung untuk mewujudkan syarikat ataupun firma baru dan suasana keusahawanan seperti perusahaan baru dan perusahaan korporat.





Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT, 2006) pula mendefinisikan, pendidikan keusahawanan adalah pendidikan yang menekankan kepada aspek kreativiti, inovasi dan pembangunan keterampilan individu sebagai usahawan yang merangkumi aspek pemikiran, sikap dan kemahiran keusahawanan. (KPT, 2006). Dalam kajian ini aspek pendidikan dan latihan adalah merujuk kepada apa jua bentuk pendidikan dan latihan yang diperolehi dan disertai oleh usahawan selama menyertai program SDSI serta manfaatnya kepada aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh usahawan.

1.8.6 Ciri-Ciri Usahawan

Adakah seseorang individu yang digelar usahawan itu mesti mempunyai ciri-ciri khusus yang menjadikan mereka ini sebagai golongan yang unik berbanding orang lain? Dvir (2010), menyatakan ciri-ciri keusahawanan akan mempengaruhi pemilihan jenis perniagaan yang diceburi dan pendekatan yang digunakan dalam mengurus perniagaan. Sementara itu, Zimmerer dan Scarborough (2008) menyenaraikan 8 ciri-ciri keusahawanan iaitu, bertanggungjawab ke atas apa yang dilakukan, mengambil risiko yang bersesuaian, berkeyakinan untuk berjaya dalam perniagaan yang diceburi, peka terhadap perubahan persekitaran, enegetik, berpandangan jauh, kemahiran mengurus dan bermotivasi bukan sekadar untuk mendapatkan keuntungan semata-mata tetapi juga disebabkan oleh rasa tanggungjawab sosial. Ciri-ciri keusahawanan lain yang biasa ada pada diri usahawan termasuklah memberi komitmen yang tinggi, fleksible dan bercita-cita tinggi mencapai kejayaan dalam perniagaan.





Dalam kajian ini, ciri-ciri usahawan merujuk kepada ciri-ciri personaliti dan sikap usahawan SDSI yang perlu ada dalam diri seseorang usahawan untuk menjadi usahawan yang berjaya dalam perniagaan yang diceburi.

1.8.7 Prestasi Perniagaan

Indikator yang biasa digunapakai dalam mengukur prestasi perniagaan adalah tingkat jualan, jumlah aset, jumlah pengeluaran, tahap pendapatan, pasaran saham dan bilangan pekerja (Robinson, 2011). Selain daripada itu, Aldrich (1999) dan Samuelsson (2004) menambah, jenis sektor perniagaan yang diceburi, saiz dan tempoh perniagaan juga adalah antara kemungkinan faktor yang menjadi penyumbang indikator dalam mengukur pencapaian sesebuah perniagaan. Dalam kajian ini, prestasi perniagaan akan dilihat dari aspek tahap pendapatan usahawan SDSI.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu penerokaan awal untuk mengenal pasti factor yang akan mempengaruhi prestasi perniagaan para usahawan SDSI di negara ini. Hasil dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai asas pertimbangan dan kajian lanjutan dalam aspek pencapaian prestasi perniagaan dalam bidang keusahawanan. Seterusnya, memperkukuhkan lagi aspek nilai teoritikal terhadap kajian dalam bidang usahawan dan keusahawanan.





Selain daripada itu, hasil dapatan kajian ini juga boleh digunakan sebagai input kepada pihak-pihak jawatankuasa kerja SDSI terutamanya di peringkat agensi supaya apa jua usaha untuk membangunkan program SDSI dapat dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa usahawan. Jawatankuasa kerja SDSI tersebut termasuklah:

1. Unit Penyelarasan pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (merangkap Urus Setia Induk)
2. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Jawatankuasa Kerja Pemasaran, Promosi dan Pembangunan Keusahawanan)
3. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Jawatankuasa Kerja Industri Desa)
4. Kraftangan Malaysia (Jawatankuasa Kerja Produk Kraf)
5. Kementerian Pelancongan (Jawatankuasa Kerja *Homestay*)
6. Kementerian Pertanian dan Asas Tani (Jawatankuasa Kerja Produk Makanan)
7. Unit Kawal Selia FELDA (Jawatankuasa Kerja SAWARI)
8. Agensi-agensi sokongan iaitu, MARDI/FAMA/SIRIM/FELCRA/MATRADE

1.10 Batasan Kajian

Selain daripada faktor masa, mudah untuk berjumpa responden kerana telah dikumpulkan di suatu kawasan yang ditetapkan menjadi faktor utama kepada pemilihan sampel sebagai responden kajian. Meskipun sampel kajian ini melibatkan usahawan SDSI di seluruh Malaysia, tetapi kajian ini hanya memfokuskan kepada





usahawan SDSI yang tersenarai dalam *showcase* tahunan SDSI 2010. Oleh hal yang demikian, usahawan-usahawan SDSI yang tidak tersenarai untuk menyertai *showcase* tahunan SDSI 2010 adalah tidak terlibat dalam kajian ini. Justeru itu, dapatan kajian ini hanyalah mewakili sebahagian daripada senario kesedaran, penguasaan, pendidikan dan latihan keusahawanan yang berlaku dalam program SDSI di Malaysia.

1.11 Rumusan

Secara kesimpulannya, bahagian ini telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, signifikasi dan objektif kajian sebagai panduan dalam bab-bab yang seterusnya. Selain itu, bab ini juga telah membangkitkan mengenai persoalan-persoalan dan hipotesis kajian bagi mencapai objektif kajian. Seterusnya, konsep kerangka kajian dan kepentingan turut dibincangkan dalam bahagian ini. Bahagian ini diakhiri dengan perbincangan mengenai batasan kajian dalam melaksanakan kajian ini.

